

03 JUN 1998

PERDANA MENTERI KE TERENGGANU 12 JUN

KUALA TERENGGANU, 3 Jun (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan melakukan lawatan singkat ke Terengganu pada 12 Jun.

Menteri Besar Tan Sri Wan Mokhtar Ahmad berkata Dr Mahathir akan singgah di sini dalam perjalanan beliau ke Kuantan bagi menghadiri Kejohanan Badminton Piala Perdana.

Beliau berkata Dr Mahathir akan melawat loji penapisan air Jabatan Bekalan Air Terengganu di Kepong dan mendengar taklimat mengenai pengurusan air di negeri ini.

Wan Mokhtar memberitahu pemberita selepas mesyuarat Exco kerajaan negeri hari ini bahawa Perdana Menteri kemudian akan menghadiri jamuan tengah hari bersama pemimpin masyarakat di kediaman rasmi Menteri Besar, Seri Iman.

-- BERNAMA

SBJ NMO